

MRT: Kimlun dapat kontrak

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Anak syarikat Kimlun Corp. Bhd., SPC Industries Sdn. Bhd., telah dilantik oleh Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. untuk membekalkan gelegar kotak bersegi (SBG) untuk pakej-pakej tertentu projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang.

Kimlun dalam kenyataan di sini hari ini berkata, bekalan SBG melibatkan bahagian Sungai Buloh-Kajang untuk kira-kira 40 bulan.

Kimlun berkata, kontrak bekalan itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih kumpulan Kimlun dalam tempoh bekalan itu.